



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

BIL.64/ 2018

### **SPR TERIMA NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.27 BALAKONG, SELANGOR**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim** pada hari ini berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Undangan Negeri (DUN) N.27 Balakong** berikutan kematian penyandanginya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) **Yang Berhormat Tuan Ng Tien Chee** pada 20 Julai 2018.

2. Sehubungan dengan itu, SPR akan mengadakan **Mesyuarat Khas** pada **30 Julai 2018 (Isnin), jam 10.00 pagi** bertempat di **Ibu Pejabat SPR, di Menara SPR, Putrajaya**. **Mesyuarat Khas** tersebut akan dipengerusikan oleh **Timbalan Pengerusi SPR, Y.Bhg Tan Sri Othman bin Haji Mahmood**, yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting Pilihan Raya Kecil (PRK) seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dalam pilihan raya itu dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut. Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas mesyuarat tersebut.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

**DATO' MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 27 Julai 2018 / 14 Zulkaedah 1439H